



### KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

Tawaran adalah dipelawa daripada kontraktor yang berdaftar di Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) / Kementerian Kewangan, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dan masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi melaksanakan kerja-kerja seperti berikut:-

BIL	TAJUK KERJA
1	No. Sebutharga : <b>MBDK.JPP.700-8/4/1</b> <b>PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN KOLAM TADAHAN BANJIR MILIK MAJLIS DI JALAN KASAWARI, JALAN RAJAWALI, JALAN WAWASAN 4A, JALAN SUNGAI BATU 50 DAN PERSIARAN BATU BELAH, KLANG UTARA</b>
2	No. Sebutharga : <b>MBDK.JPP.700-8/4/2</b> <b>PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN KOLAM TADAHAN BANJIR MILIK MAJLIS DI JALAN ASTAKA 2/KU2, JALAN ASTAKA 3/KU2 DAN JALAN SINGGAHSANA 4/KU2, KLANG UTARA</b>
3	No. Sebutharga : <b>MBDK.JPP.700-8/4/3</b> <b>PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN KOLAM TADAHAN BANJIR MILIK MAJLIS DI TAMAN MAZNAH, TAMAN SAUJANA JATI, TAMAN PENDAMAR INDAH, TAMAN SELAT DAMAI DAN LORONG DATO DAGANG 52A/KS7, KLANG SELATAN</b>
4	No. Sebutharga : <b>MBDK.JPP.700-8/4/4</b> <b>PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN KOLAM TADAHAN BANJIR MILIK MAJLIS DI BANDAR PARKLANDS DAN GLENMARIE COVE, TELOK GONG, KLANG SELATAN</b>

TARAF SEBUTHARGA & SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN	TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN DIJUAL	TARIKH, WAKTU DAN TEMPAT TAWARAN TUTUP
<b>BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN (MOF) &amp; KOD BIDANG 221002 dan 221003 &amp; BERDAFTAR DENGAN E-TENDER SELANGOR &amp; UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI SELANGOR (UPEN)</b>	<b>MULAI : 13/9/2024 (JUMAAT)</b> Penjualan secara online  * Sila kemaskini maklumat syarikat dalam laman web <a href="http://tender.selangor.gov.my">http://tender.selangor.gov.my</a> untuk melancarkan proses pembelian dokumen.	<b>TARIKH TUTUP : 20/9/2024 (JUMAAT)</b> <b>JAM : 12.00 TENGAH HARI</b>  Bahagian Ukur Bahan, Tingkat 1, Pejabat MPK Jalan Tengku Kelana (Pusat Sumber) Lot 175, Jalan Tengku Kelana, 41000 Klang, Selangor Darul Ehsan  <b>Tender yang lewat diterima tidak akan dilayan.</b>

#### SYARAT-SYARAT :-

1. Setiap dokumen Sebut Harga dijual dengan harga **RM 150.00** secara online. Pembayaran boleh dibuat secara FPX, kredit kad dan debit kad.
2. Dokumen meja tawaran dipamerkan mulai **13 September 2024** di laman web <http://tender.selangor.gov.my> di setiap bahagian iklan yang dipamerkan.
3. Penyebut Harga perlu terlebih dahulu mendaftar secara on-line di laman sesawang <http://tender.selangor.gov.my> sebelum pembelian Dokumen Sebut Harga dan mengemaskini maklumat pendaftaran **UPEN** dan **MOF**. Sekiranya gagal berbuat demikian penyebutharga adalah tidak layak untuk membeli dokumen sebut harga tersebut.
4. Dokumen Sebut Harga yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam **SAMPUL SURAT BERLAKRI** dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga seperti tertera di maklumat sebutharga.
5. Penyebut Harga yang tidak mendapat apa-apa jawapan selepas 3 bulan dari tarikh tutup tawaran adalah dianggap tidak berjaya.
6. Penyebut Harga perlu mematuhi syarat-syarat yang terkandung di dalam Arahan Kepada Penyebut Harga dan Syarat-syarat Membuat Sebut Harga di dalam Dokumen Sebut Harga sebelum mengemukakan Sebut Harga. Jika dokumen Sebut Harga yang dikemukakan didapati tidak mematuhi syarat-syarat tersebut, Dokumen itu akan ditolak tanpa pertimbangan seterusnya.
7. Dokumen Sebut harga yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan, berbangkit dengan apa jua sebab yang mungkin boleh dikemukakan, akan ditolak dan tidak dipertimbangkan.
8. Tarikh akhir penjualan Dokumen Sebut harga adalah pada **19 September 2024**. Dokumen Sebut harga tidak akan dikeluarkan selepas dari waktu tersebut. Sebarang pertanyaan sila hubungi **BAHAGIAN UKUR BAHAN** di talian 03-3375 8014.
9. Sebarang pertanyaan berkaitan spesifikasi kerja dan lokasi tapak boleh menghubungi En. Mohd Azrul Effrendy B. Zainal ditalian 03-3371 5623 (**Jabatan Perkhidmatan Persekitaran**).

Disediakan oleh :

**BAHAGIAN UKUR BAHAN**  
**MAJLIS PERBANDARAN KLANG**